



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/06/42 (HQ)

TNB TUKAR 367,000 UNIT LAMPU PBT KEPADA LED

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menukar hampir 60 peratus daripada 367,000 unit lampu pihak berkuasa tempatan di seluruh Semenanjung kepada Light Emitting Diode (LED) yang lebih jimat tenaga, lebih rendah kos senggaraan dan mesra alam.

Sejumlah 212,639 unit lampu High Pressure Sodium Vapor (HPSV) lama yang majoritinya berkapasiti 150 Watt telah pun ditukar kepada lampu LED dengan kapasiti 90 Watt sejak awal 2018 sehingga 14 Jun lalu. Bakinya akan digantikan dengan lampu LED seawal Disember tahun depan.

Penukaran lampu kepada LED ini, di bawah inisiatif Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) bagi tempoh 2018 hingga 2020, dapat mengurangkan risiko kegagalan lampu jalan yang menggunakan HPSV daripada 15 peratus kepada kurang dari satu peratus.

Ia dianggarkan boleh menyumbang kepada penjimatan bil elektrik antara 30 hingga 40%. Penggantian lampu ini turut dapat mengurangkan perbelanjaan kos senggaraan yang mana penjimatan ini dapat digunakan bagi melaksanakan projek-projek lain yang boleh memberikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

Selain menjimatkan, lampu LED mempunyai banyak kelebihan termasuk stabil, tahan lama, kurang panas dan tiada merkuri logam yang berbahaya terhadap alam sekitar.

IBR atau Kawal Selia Berasaskan Insentif dilaksanakan Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan wujudnya industri bekalan tenaga elektrik yang mampan melalui pulangan telus dan adil, di samping menggalakkan kecekapan maksimum.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Jun 2019, jam 10.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401

atau e-mel ke media@tnb.com.my